

**NO. SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7202**

**SOALAN:**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kuota bagi kaum Kadazandusun dan Murut dari negeri Sabah dalam pengambilan ke dalam PDRM sepertimana yang telah dipohon oleh pihak MIC dan MCA terhadap kaum India dan Cina dan berapakah kuota yang akan diberikan bagi pengambilan tahun hadapan termasuklah ke dalam pasukan keselamatan yang lain.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Negara Malaysia dengan kepadatan mencecah 30 juta orang pada tahun 2014 adalah merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum (*multi racial*). PDRM memerlukan penyertaan semua kaum untuk berkhidmat dalam pasukan polis bagi tujuan:-**

- i) Mengurangkan jurang bahasa dan memberi keselesaan kepada pelanggan yang berurusan di balai-balai yang penduduknya tidak fasih berbahasa Malaysia;**
- ii) Mempermudahkan kerjasama bagi mendapatkan maklumat dalam siasatan kes-kes yang melibatkan bangsa asing serta merapatkan jurang antara polis dan masyarakat bangsa asing; dan**
- iii) Dapat mendekati masyarakat, menjalin hubungan baik bagi mendapatkan maklumat dalam menangani kes-kes jenayah serta mendapatkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap PDRM.**

**Bagi urusan pengambilan dan perlantikan dalam pasukan polis, tiada syarat kuota ditetapkan terhadap sesuatu bangsa termasuk kaum Kadazandusun dan kaum Murut di negeri**

**Sabah. Lantikan adalah berdasarkan kepada kelulusan akademik, kelayakan fizikal dan merit markah semasa temuduga dijalankan. PDRM hanya menjalankan eksekusi pengambilan khas kaum Cina memandangkan penyertaan kaum Cina begitu kecil dalam pasukan polis.**